

UCAPAN TAHUN BARU OLEH PERDANA
MENTERI, MENERUSI RADIO/TV MALAY-
SIA—RAKAMAN DIBUAT DI PULAU
PINANG PADA 29^{HB} DISEMBER, 1973

Saudara-saudara sekalian,

Dalam sedikit masa lagi kita akan mengalu-alukan ketibaan tahunan baru 1974 dan serentak dengan itu tahun 1973 ini akan luput dan hanya tinggal dalam kenang-kenangan sahaja. Kepada para pendengar semua khasnya rakyat Malaysia di mana-mana jua mereka berada, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 1974 sambil berdoa semoga Tuhan memelihara kita dari segala marabahaya dan memberkati segala usahakita untuk mendapat kehidupan yang sempurna serta kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Mengambil sempena saat yang baik ini patutlah kita merenung kebelakang dan mengambil pengajaran dari pengalaman-pengalaman kita di masa lalu dan di samping itu eloklah kita berikrar dan membaharui azam untuk berusaha lebih kuat lagi untuk mencapai hasrat dan cita-cita kita untuk kebahagiaan hidup kita sambil kita berbakti kepada negara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya amat berpuashati kerana dalam usaha kita mencapai matlamat-matlamat pembangunan khasnya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, tahun 1973 melihat paras pencapaian yang tinggi bahkan melebihi dari jangkaan dalam sektor-sektor tertentu. Kajian semula Pertengahan Penggal atau Mid-term Review yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini menunjukkan kemajuan besar dalam semua bidang pada tahun 1973 berbanding dengan tempoh dua tahun sebelumnya. Satu perkara yang amat menggalakkan ialah kejayaan kita menurunkan nisbah pengangguran melalui langkah-langkah tegas meningkatkan kemajuan bidang perindustrian dan pembangunan pertanian terutama di kawasan-kawasan baru Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah.

Begitu juga kita berbangga dengan kemajuan di bidang pendidikan, terutama pendidikan tinggi dan teknikal sejajar dengan

keperluan tenaga manusia yang terlatih untuk pembangunan negara, khasnya di lapangan sains dan teknologi.

Saudara-saudara sekalian,

Masalah besar yang dihadapi rakyat pada masa ini ialah kenaikan harga barang-barang akibat inflasi yang melanda dunia berikutan dengan krisis kewangan tidak lama dulu. Syukur Alhamdulillah, serentak dengan itu barang-barang pengeluaran kita sendiri seperti getah, kelapa sawit, kayu balak, bijih dan juga padi turut mendapat harga yang baik di pasaran tempatan dan dunia, yang mana membolehkan pendapatan yang lebih baik kepada kita terutama rakyat di kampung-kampung. Jadi bolehlah dikatakan keadaan di negara kita agak baik berbanding dengan setengah-setengah negara lain di dunia sebelah sini.

Saya percaya rakyat menerima baik langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melegakan kesulitan rakyat terutama pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Kakitangan Kerajaan telahpun diberi elaun bantuan khas dan saya berharap pekerja-pekerja dalam sektor swasta akan diberi layanan yang sama oleh pihak majikan. Kerajaan akan menambah peruntukan bantuan buku-buku teks bagi tahun hadapan ini dan terus berusaha mengekalkan bekalan bahan-bahan keperluan supaya orang ramai dapat membelinya dengan harga yang berpatutan.

Dalam sidang Dewan Rakyat baru-baru ini juga saya telah menyebut langkah-langkah yang patut diambil bersama oleh rakyat ramai bagi menghadapi akibat inflasi ini. Tindakan di pihak Kerajaan sahaja tidaklah memadai bahkan amatlah mustahak orang ramai bekerjasama supaya tekanan inflasi itu dapat dielakkan.

Inflasi atau kenaikan harga barang-barang ialah disebabkan oleh kekurangan barang-barang itu sedangkan orang yang berkehendakannya ramai, terutama barang-barang makanan. Oleh itu kalau kita dapat mengeluarkan barang-barang makanan dengan banyak seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan, daging, telur dan sebagainya, barang-barang ini tak dapat tiada akan turun harganya dan sebahagian besar daripada masalah inflasi ini dapat di atasi. Oleh itu saya berseru kepada saudara-saudara semua samada yang duduk di kampung-kampung dan di bandar-bandar

bersama berusaha melipat gandakan pengeluaran barang-barang makanan itu.

Satu lagi sebab inflasi ialah banyak adanya wang dalam Negeri sungguhpun harga barang-barang naik rakyat masih terus membelinya. Oleh itu saya suka menegaskan lagi iaitu dalam keadaan hari ini amatlah mustahak kita mengamalkan tabiat berjimat-cermat iaitu menyimpan wang dan mengelakkan perbelanjaan yang berlebih-lebihan dan yang tidak begitu perlu. Orang-orang di kampung dan di rancangan Felda yang mendapat pendapatan lebih masa ini hendaklah menyimpan seberapa yang boleh supaya wang simpanan ini dapat di mobilise untuk kegunaan yang lebih penting pada kemudian hari kelak. Dengan berkurangnya wang yang ada dalam edaran dan kurang pembelian di pihak pengguna, kenaikan harga yang melampau-lampau akan dapat dicegah dan dengan demikian dapat memulihkan keadaan kepada suasana yang lebih stabil dan saksama.

Saudara-saudara sekalian,

Selain daripada masalah inflasi kita menghadapi masalah krisis minyak dan tenaga. Sungguhpun kita di Malaysia tidak kurang minyak tetapi harganya telah naik dan harga di dunia naik. Dengan sebab itu mustahaklah kita berjimat dan mengurangkan kegunaan minyak kecuali untuk hal mustahak sahaja.

Di dalam keadaan dunia sekarang kita di Malaysia mesti berani berjimat-cermat dan kurangkan segala perkara-perkara yang membazir. Kalau kita bertindak dengan bijaksana sekarang kita akan dapat mengatasi segala kesulitan yang kita hadapi masa ini.

Saudara-saudara sekalian,

Keadaan keselamatan dalam Negeri masih membimbangkan kita sungguhpun di Sarawak keadaan adalah lebih baik dari setahun dahulu. Kita sangat berterima kasih kepada anggota Pasukan Keselamatan dari kedua-dua angkatan Tentera dan Polis, kerana semangat patriotism dan azam mereka untuk menghapuskan musuh-musuh negara supaya tanahair yang dicintai ini kembali aman dan bahagia. Saya berseru kepada Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan seluruh anggota-anggota Pasukan Keselamatan hendaklah sentiasa berwaspada terhadap kegiatan

anasir-anasir Komunis. Orang-orang ramai terutama mereka yang diam di kawasan sempadan dan juga orang-orang Asli hendaklah bekerjasama dengan kerajaan. Kita tidak boleh meringankan kegiatan-kegiatan penganas-penganas ini terutama di Semenanjung Malaysia. Masih ada lagi penduduk-penduduk di kampung dan Kampung-kampung Baru memberi pertolongan kepada mereka dengan menyimpan barang-barang makanan. Baru-baru ini ada agak banyak terdapat barang-barang makanan di simpan di kawasan pendalaman di Perak, Pahang dan Kelantan. Saya suka menegaskan sekali lagi Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang memberi pertolongan dengan apa cara sekali pun kepada musuh-musuh Negara ini. Seperti yang seringkali saya katakan, musuh-musuh negara tidak akan dapat berleluasa kalau tidak mendapat sokongan dari orang ramai dan oleh itu mestilah kita semua—Kerajaan dan rakyat—bersama-sama berusaha menghapuskan ancaman ini.

Mengenai Pasukan Keselamatan kita, saya suka menyebutkan di sini iaitu pungutan Derma Tabung Amanah Perwira Negara yang dilancarkan bulan Mac dahulu di bawah ketuaan Allahyarham Tun Dr Ismail¹ telahpun berjaya mengumpulkan hampir-hampir \$3½ juta setakat ini dan bagi pihak Kerajaan saya mengucapkan terima kasih kepada orang ramai atas sambutan dan sokongan mereka itu. Seperti yang dimaklum, wang derma ini ialah untuk membantu keluarga dan tanggungan anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang terkorban ataupun hilang upaya semasa bertugas mempertahankan negara ataupun semasa kejadian bencana negara seperti banjir yang berlaku baru-baru ini.

Kita bersyukur banjir yang melanda beberapa negeri di Semenanjung Malaysia pada musim tengkujuh ini tidaklah begitu berat dan lebih-lebih lagi saya berpuashati dengan persediaan-persediaan yang dibuat untuk menghadapi banjir itu. Begitu juga orang ramai nampaknya lebih bersedia dan bekerjasama penuh dengan pihak Kerajaan berpindah ke tempat-tempat yang selamat semasa banjir melanda kampung mereka. Bagaimanapun, sukalah saya mengingatkan rakyat yang tinggal berdekatan sungai supaya bersama-sama mengelakkan kemalangan maut yang kebanyakannya disebabkan oleh kecuaiian. Sehingga ini angka kematian enambelas orang, dan sayugialah kita bersama-sama melihatkan supaya di masa akan datang angka ini dapat dikurangkan.

¹ Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

Saudara-saudara sekalian,

Di bidang perhubungan luar negeri, kita terus maju ke depan melaksanakan dasar persahabatan dengan semua negara sambil berusaha mencari perdamaian yang kekal di dunia ini. Bulan lalu, saya telah membuat lawatan ke Singapura dalam usaha memperkukuh hubungan yang sedia ada dengan negara itu dan sepanjang tahun ini saya telah menghadiri Persidangan Negara-negara Commonwealth di Ottawa dan Negara-negara Berkecuali di Algiers, di samping melakukan lawatan singkat ke Indonesia dan Thailand untuk berunding dengan pemimpin-pemimpin negara itu.

Baru-baru ini kita telah menerima lawatan Perdana Menteri New Zealand dan tidak lama lagi dalam bulan Januari ini Perdana Menteri Jepun dan Perdana Menteri Australia akan tiba kemari untuk berunding mengenai kepentingan bersama.

Kita turut mengambil berat berhubung dengan pergolakan yang berlaku di Asia Barat baru-baru ini. Selain dari bantuan ubat-ubatan yang kita sumbangkan kepada saudara-saudara Islam yang terlibat, kita telah mengambil pendirian yang teguh memperjuangkan supaya wilayah Arab yang diduduki oleh Israel akan dikembalikan semula kepada hak milik yang sah dan akan berusaha dengan seberapa daya upaya di lapangan diplomatik dan antara bangsa untuk mencapai tujuan ini.

Saya suka juga menyebut di sini iaitu perundingan antara kita dengan Kerajaan Republik Rakyat Cina untuk mengadakan pertukaran diplomatik hampir mencapai tingkat penyelesaian dan diharap tidak lama lagi perjanjian perhubungan akan disahkan oleh kedua pihak. Ini akan membolehkan kita melanjutkan dengan tegas lagi usaha menjadikan rantau Asia Tenggara ini wilayah aman, bebas dan berkecuali.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang saya katakan semasa membentangkan Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua tidak lama dulu, adalah menjadi commitment kita bersama membina sebuah masyarakat Malaysia yang baru berlandaskan Dasar Ekonomi Baru dan prinsip-prinsip Rukunegara. Sambil kita melangkah masuk ke pertengahan tahun tujuh puluhan, kita memerlukan lebih banyak lagi pengorbanan dan sumbangan tenaga dari

semua pihak. Meskipun tugas ini semakin berat dan kadang-kali sukar, kita akan terus berusaha dengan penuh inspirasi ke arah haluan dan matlamat yang terang dan nyata itu.

Saya sekali lagi berseru kepada semua rakyat Malaysia, tidak kira kaum ataupun taraf kedudukan, supaya bersatu hati dan dengan semangat setiakawan membina negara Malaysia yang aman bahagia, adil dan makmur untuk kita yang ada sekarang dan untuk jenerasi-jenerasi akan datang.

Selamat malam dan Selamat Tahun Baru.